

06/04/2000

Anwar failkan afidavit tambahan

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Anwar Ibrahim memfailkan afidavit tambahan bagi menjawab afidavit jawapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung kehadirannya sebagai saksi pembela.

Afidavit itu difailkan sendiri oleh Anwar pagi ini dan diserahkan kepada Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail untuk disampaikan kepada Dr Mahathir.

Semalam, Dr Mahathir memfailkan afidavit jawapan bagi menjawab afidavit Anwar berhubung kehadirannya sebagai saksi pembela dalam kes liwat membabitkan Anwar dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja.

Sementara itu, Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Ariffin Jaka memerintahkan Abdul Gani menyerahkan afidavit Anwar kepada Dr Mahathir bagi membolehkan Perdana Menteri mengetahui kandungannya.

Bagaimanapun, beliau mengeluarkan perintah supaya Dr Mahathir tidak perlu lagi menjawab afidavit berkenaan.

"Dr Mahathir tak perlu menjawab afidavit itu kerana mahkamah mempunyai cukup keterangan untuk mendengar hujah pembela dan pendakwa. Mahkamah kini ada dua afidavit Datuk Seri Anwar dan satu afidavit Datuk Seri Dr Mahathir," katanya.

Mahkamah akan mendengar hujah berhubung kehadiran Dr Mahathir sebagai saksi pembela pada Isnin ini.

Pada 9 Mac lalu, Anwar mengemukakan afidavit setebal 10 halaman yang menyatakan 19 alasan mengenai kaitan keterangan Dr Mahathir pada perbicaraan itu.

Pada 18 Februari lalu, Ariffin memerintahkan pembelaan menunjukkan bahawa keterangan Dr Mahathir itu mempunyai kaitan dengan kes sebelum memanggil Perdana Menteri sebagai saksi.

Sementara itu, peguam bela Anwar, Karpal Singh memberitahu mahkamah, pembela memohon perbicaraan bagi mendengar permohonan Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin untuk mengetepikan sapa ditangguhkan sehingga mahkamah memutuskan kehadiran Dr Mahathir.

Peguam bela Daim, Ng Aik Guan tidak membantah dan mahkamah mahkamah menetapkan Isnin ini untuk sebutan.

Anwar, 52, dan Sukma Darmawan, 39, dituduh meliwat Azizan Abu Bakar di unit nombor 10-7-2, pangsapuri Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, di antara Januari hingga Mac 1993.

Bagi tuduhan itu, Anwar dan Sukma Darmawan didakwa mengikut mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Sukma Darmawan yang dihukum penjara enam bulan pada 19 September 1998 kerana membenarkan Anwar meliwatnya, juga didakwa atas tuduhan bersubahat dengan Anwar melakukan persetubuhan luar tabii dengan Azizan.

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun sejak 14 April lalu selepas didapati bersalah atas empat tuduhan melakukan amalan rasuah pada 1997.

Perbicaraan bersambung Jumaat.

(END)